

**Majlis Tempatan Di Sarawak Diminta Laksana Lebih Banyak Program 1Malaysia
Bernama
12 Julai, 2012**

MIRI, 12 Julai (Bernama) -- Kesemua 26 majlis tempatan di Sarawak diminta mengemukakan program jangka pendek dan jangka panjang yang menepati gagasan 1Malaysia.

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat negeri Dr Penguang Manggil berkata program berkenaan perlu memberi fokus terhadap manfaat yang boleh dinikmati rakyat berlandaskan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

"Pihak berkuasa tempatan dijangka menyediakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang komprehensif yang mengandungi program serta kegiatan yang akan mereka laksanakan," katanya dalam kenyataan bersempena Permukiman Pasukan Prestasi Tinggi Pihak Berkuasa Tempatan 2012 (LA-HPT 2012) di sini Khamis.

Permukiman yang julung kali diadakan itu melibatkan 200 peserta terdiri daripada setiausaha majlis tempatan, ketua seksyen dan pasukan pengurusan tertinggi kementerian berkenaan.

Dr Penguang berkata melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti penubuhan kumpulan kerja untuk melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) seperti penggredan premis jualan makanan, pengeluaran bil taksiran dan sistem penggredan tandas awam.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680135>